

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 24 Disember 2019 10:28 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bakat Berperanan Penting Dalam Kejayaan Organisasi



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

24 DISEMBER 2019 / 27 RABIULAKHIR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: OYAGSB

BAKAT BERPERANAN PENTING DALAM KEJAYAAN ORGANISASI

UUM ONLINE: Profesor Adjung Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Abdul Wahab Abu Bakar berkongsi kepentingan untuk menjadi seorang yang berbakat dalam sesebuah organisasi sempena *Biztalk: Talent That Matters* yang berlangsung di Studio, OYAGSB, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Program bual bicara ini turut memberi pendedahan kepada semua pihak tentang perbezaan pekerja dahulu dan sekarang.

"Pekerja pada masa dahulu lebih setia kepada sebuah organisasi berbanding dengan pekerja pada masa kini yang lebih bersikap terbuka dan kerap menukar pekerjaan mengikut keselesaan masing-masing.

"Setiap organisasi memerlukan pekerja yang mahir dan berbakat bukan hanya untuk bertahan tetapi juga berupaya untuk memacu organisasi dalam mengharungi cabaran pada era digital ekonomi.



“Dalam pembentukan dan pembangunan bakat, seseorang itu perlu mempunyai setiap 5C iaitu *Competency* (Kecekapan), *Capability* (Keupayaan), *Capacity* (Kapasiti), *Character* (Personaliti) dan *Compatibility* (Keserasian),” ujarnya yang juga Naib Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan ahli lembaga beberapa syarikat.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia dan korporat selama 35 tahun meliputi syarikat tempatan dan multinasional antaranya syarikat penerbangan (Malaysia Airlines), minyak dan gas (Exxon Mobil), perlombongan (Malaysian Mining Bhd) dan institusi kewangan (CitiBank Malaysia) selain pengarang bersama buku “*Your Dream Job*”.

Turut serta dalam program tersebut, Dekan OYAGSB, Prof. Shahizan Hassan dan Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek Abdul Malek yang juga moderator untuk program ini.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.